



## PENGAJARAN SUBJEK AGAMA ISLAM TERHADAP PELAJAR NON-MUSLIM DI UiTM PERLIS

TEACHING ISLAM SUBJECT TO NON-MUSLIM STUDENTS AT UiTM PERLIS

Nor Syahida Hashim<sup>1\*</sup>, Nadiyah Hashim<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Arau, Perlis.  
Email: norsyahida@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Arau, Perlis.  
Email: nadiyah@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

#### To cite this document:

Hashim, N. S., & Hashim, N. (2023). Pengajaran Subjek Agama Islam Terhadap Pelajar Non-Muslim Di UiTM Perlis. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 385-406.

DOI: 10.35631/IJMOE.517030

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Pengajaran mata pelajaran agama Islam dalam sistem pengajian tinggi negara ini tidak tertumpu kepada pelajar Islam semata-mata kerana ia sudah lama didedahkan kepada pelajar non-Muslim dalam bentuk mata pelajaran wajib universiti di UiTM yang sebelum ini dikenali sebagai Institut Teknologi MARA (ITM). Setelah mempelajari subjek agama Islam ternyata pelajar non-Muslim berada di tahap penerimaan agama Islam yang ketara terutama ketika bermuamalah bersama kalangan pelajar muslim di UiTM. Memahami subjek Agama Islam bagi pelajar non-Muslim bukanlah sesuatu yang mudah sekalipun ia pada tahap permulaan. Pelbagai persoalan, keraguan dan ketidakpastian berlegar dalam kalangan pelajar non-Muslim mengenai agama Islam. Realiti lebih mencabar apabila terdapat banyak persepsi negatif dan salah faham mengenai agama Islam di media massa dari sisi pandang yang salah. Maka kajian ini bertujuan meneroka pengalaman dan kaedah pengajaran tenaga pengajar kod subjek iaitu IDA 202 (Kemasyarakatan dan Kenegaraan Islam) dan IDA 102 (Insan dan Agama) di UITM Perlis bagi mengenal pasti tahap penerimaan pelajar non-Muslim bagi subjek Agama Islam. Analisis diambil ke atas pelajar non-Muslim daripada semester satu dan tiga kemasukan Oktober 2022 hingga Februari 2023 berdasarkan komitmen pengajaran dan pembelajaran (PnP) sepanjang semester tersebut. Selain itu, kajian membentangkan keputusan dapatan hasil SUFO (*Survey Student Feedback Online*) dan markah ujian akhir bagi menganalisis keberkesanan penyampaian pengajaran subjek agama Islam terhadap pelajar non-Muslim di UiTM Perlis. Hasil kajian mendapati subjek IDA mampu menjelaskan persepsi negatif pelajar non-Muslim terhadap pengetahuan agama Islam kepada mereka. Malah mereka memberi respon positif serta memahami dan menghormati amalan

sahabat yang beragama Islam. Kajian ini turut mencadangkan usaha lebih giat dijalankan kepada tenaga pengajar IDA seluruh UiTM agar dapat menerapkan teknik atau kaedah dakwah *bil hal* dalam menyantuni pelajar-pelajar non-Muslim yang mengikuti kod subjek IDA sekali gus agar dapat membentuk akhlak, etika dan budi pekerti tinggi.

**Kata Kunci:**

Subjek, Agama, Islam, UiTM Perlis, Non-Muslim

**Abstract:**

The teaching of Islam subject at the higher education system in this country does not solely focus on Muslim students as it been long exposed to non-Muslim students in the form of a compulsory university subject at UiTM which previously known as the MARA Institute of Technology (ITM). After enroll and undergo the subject, it turns out that non-Muslim students are at a significant level of acceptance of Islam, especially when talking with Muslim students at UiTM. Understanding the subject of Islam for non-Muslim students is not easy even if at the beginning level. There are various questions, doubts, and uncertainties among non-Muslim students about Islam before they enroll to the subject of Islam. In addition, the reality is more challenging when there are many negative perceptions and misunderstandings about Islam in the mass media that they perceive from the wrong perspectives. Therefore, this study aims to explore the experience and teaching methods of two subject codes, namely IDA 202 (Islamic Society and State) and IDA 102 (Man and Religion) at UITM Perlis in order to identify the level of acceptance of non-Muslim students for the subject of Islam. The analysis of non-Muslim students intake semester one and three in October 2022 to February 2023. The data was retrieved from the commitment of teaching staff during teaching and learning process throughout the semester. Furthermore, the study will present the results of the SUFO (Student Feedback Online Survey) and the final test scores to analyze the effectiveness of teaching the subject of Islam to non-Muslim students at UiTM Perlis. The results of the study found that the IDA subject content was able to explain the negative perception of non-Muslim students toward the knowledge of Islam. They respond positively, understood and respects the practices of Muslim friends. This study also suggests there should be more efforts be executed for IDA teaching staff in UiTM, to enable apply the techniques or methods of dawah *bil hal* in treating non-Muslim students who enroll the IDA subject code that able to form high morals, ethics, and shaping good character.

**Keywords:**

Subject, Religion, Islam, Uitm Perlis, Non-Muslim

**Pendahuluan**

Usaha pihak universiti membangunkan insan secara seimbang dan holistik adalah sejajar dengan keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Dalam kehidupan masyarakat kepelbagai, aspek pendidikan yang berteraskan amalan nilai murni melahirkan masyarakat beretika dan berbudi pekerti tinggi seterusnya ia menjadi asas sistem pendidikan di Malaysia (Dzulkifli & Suhid, 2018). Pendidikan perlu berterusan sama ada secara formal atau sebaliknya kerana ia menjana proses yang membentuk budaya

mencari ilmu dalam kehidupan seharian sekaligus membina negara menjadi lebih utuh dan harmoni (Subiyakto & Mutiani, 2019).

Dengan matlamat memelihara keharmonian dalam masyarakat inter-etnik dan agama dalam negara, universiti terus menjadi platform pembentukan nilai-nilai murni melalui subjek-subjek wajib terutama subjek agama Islam. Kurikulum holistik dalam Islam terbukti menghasilkan pelajar yang mempunyai akhlak yang mulia, seimbang dan bersepada dari aspek jasmani, rohani, emosi dan jasmani (Mohd Fathi Adnan & lain-lain., 2010). Hal ini dapat menjadi benteng terakhir pelajar dalam menghadapi cabaran kehidupan dunia global dan tanpa sempadan memberi kesan dan impak negatif secara langsung terhadap keruntuhan akhlak. Selain itu, ia dapat menjadi platform mengharungi kesan Revolusi Perindustrian (IR 4.0) yang mengakibatkan elemen kemanusiaan semakin terhakis kerana kebergantungan secara total kepada konsep transhumanisme yang membawa kepada nilai roh kemanusiaan semakin dipinggirkan oleh masyarakat tanpa disedari (Norafifah Ab Hamid & lain-lain., 2019). Justeru itu, sebagai solusi terbaik Islam telah menyediakan kurikulum khas bagi insan membendung hakisan sosial secara total. Maka kajian ini mengambil manfaat kesyumulan agama ini dengan mencerna silibus Islam kepada pelajar non-Muslim di peringkat universiti.

Pengalaman dalam konteks masyarakat di Malaysia memperlihatkan bahawa elemen etnik dan agama bukanlah faktor utama tercetusnya konflik, namun kegagalan menangani aspek sosioekonomi serta ketidakseimbangan oleh pihak berwajib mencetuskan konflik dan ketegangan dalam masyarakat kepelbagaian (Chamil Wariya, 2007). kesinambungan kegagalan tersebut timbul unsur eksloitasi ke atas isu agama dan kaum dalam negara. Hal inilah yang membawa kepada impak yang kritikal terhadap keharmonian antara masyarakat kepelbagaian. Menurut Meerangani & lain-lain (2020) terdapat dua elemen dalam negara ini tidak boleh dijadikan modal provokasi iaitu kaum dan agama. Perihal agama dan kaum umpama bom jangka yang dapat mencetuskan kesan luar jangka. Maka kajian ini memfokuskan penerokaan agama Islam menerusi pengalaman dan kaedah pengajaran tenaga pengajar subjek Islam di UiTM kepada pelajar non-Muslim. Subjek Islam merupakan kayu ukur pertama dalam mengenal pasti tahap penerimaan pelajar non-Muslim terhadap subjek agama Islam khususnya di peringkat UiTM.

## Sorotan Kajian

### *Sejarah Subjek Berteraskan Konsep Islam di Universiti*

Sistem pendidikan di Malaysia senantiasa menerima perubahan demi perubahan bagi membentuk rakyat yang berminda kelas pertama. Sejak tahun 1987 Falsafah Pendidikan Negara (FPN) diperkenalkan dalam sistem pendidikan bagi membina anjakan paradigma ke arah pembangunan insan sepadu melibatkan aspek intelek, fizikal, emosi dan rohani. Oleh itu, persoalan-persoalan nilai, akhlak dan moral semakin mendapat tempat serta diberi perhatian di pelbagai lapisan pendidikan sama ada institusi rendah mahu pun peringkat tertinggi (zulkarnain,1999). Justeru arus perubahan kesan dirasai seiring globalisasi yang turut masuk dalam sistem pendidikan terutama peringkat universiti. Seiring dengan peralihan secara global, peranan universiti khususnya dilihat bukan lagi untuk melahirkan golongan pelajar yang bersedia atau ‘ready-made’ bagi memikul tanggungjawab sebagai pemikir dan pembuat keputusan setelah tamat pengajian, malah pihak pentadbiran universiti perlu mengambil-kira kursus-kursus yang relevan yang dilihat mampu membentuk sahsiah dan jati diri para pelajar yang bakal bergraduasi (John & lain-lain., 2018)

Pada tahun 1998/1999 pihak universiti dalam negara telah mengambil pendekatan mewajibkan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) menjadi subjek wajib atau teras yang wajib diambil oleh semua pelajar di peringkat pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS). Bersama-sama dengan dua kursus tersebut digandingkan dua khusus wajib yang lain iaitu Pengajian Malaysia dan juga Hubungan Etnik (Osman Bakar & lain-lain., 2009). Dalam kursus teras ini, para pelajar diberikan pendedahan awal mengenai kepelbagaiannya dan keunikannya tamadun-tamadun dunia terutama tamadun Islam dan tamadun Asia. Menerusi subjek yang berorientasi pengetahuan dan sejarah kegemilangan Islam menjadi medium amat baik bagi menyalurkan maklumat-maklumat serta memupuk nilai-nilai Islam untuk di amalkan dalam masyarakat kontemporari(Azhari & Norazilah, 2012)

Transformasi subjek di peringkat universiti terus berlaku sekitar tahun 2020, pihak universiti mula memperkenalkan subjek Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) dan Falsafah dan Isu Semasa (FIS) sebagai dua kursus wajib baharu di IPTA/S pada sesi pengambilan 2019/2020. Kedua-dua kursus ini sebagai ganti kepada kursus Hubungan Etnik (HE) dan Tamadun Islam dan Asia (TITAS) (Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, 2019). Dua kursus ini mempunyai tambahan silibus dalam mempersiapkan pelajar untuk menghayati etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaiannya etnik di Malaysia seterusnya memperteguhkan pemikiran kritis dan analitikal dalam menangani kehidupan yang lebih mencabar. Namun pengisian subjek ini lebih memfokuskan kepada penghayatan etika dan peradaban dalam acuan Malaysia. Menurut Esa & lain lain., (2021) subjek yang berstatus teras atau wajib universiti adalah akar yang menunjang subjek-subjek lain di peringkat program dan fakulti maka ia dijadikan pra syarat graduasi bagi setiap pelajar universiti

### ***Pengajian Agama Islam di Peringkat UiTM Perlis***

Subjek pendidikan Islam mula ditawarkan secara formal oleh Dewan Latihan RIDA-Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1975 dengan nama Kursus Tamadun Islam (TIS). Subjek Islam (TIS) tersebut dikendalikan oleh Unit Pendidikan Islam (UPI) di bawah Dekan Hal Ehwal Akademik. Pada mulanya subjek ini diwajibkan kepada pelajar muslim sahaja, setelah tahun 1983 UPI dinaikkan status menjadi satu entiti tersendiri dengan nama Pusat Pendidikan Islam (PPI). Maka pihak ITM telah memperkasakan peranan PPI melalui penawaran lebih daripada 40 kursus pendidikan Islam di samping kursus Tamadun Islam ditawarkan kepada semua pelajar termasuk non-Muslim dikehendaki mengambil kursus Tamadun Islam dan berstatus wajib lulus peperiksaan serta diberi kredit (<https://nsembilan.uitm.edu.my>).

Pemerkasaan lebih mampan oleh PPI telah menubuhkan Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) di bawah seliaan seorang Pengarah dengan dibantu oleh dua Timbalan Pengarah. Pada 13 Januari 2004 pihak yang bertanggungjawab mengembangkan CITU dalam bidang akademik dan non-akademik. CITU merupakan gabungan di antara Pusat Pendidikan Islam Akademik (Hal Ehwal Akademik) dengan Pusat Khidmat Nasihat Agama Non-Akademik (Hal Ehwal Islam). Dalam usaha memperluaskan peranan CITU sebagai pusat kecemerlangan Akademik, pada Disember 2012 telah berkembang dan tertubuh sebuah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Dibawah ACIS diberi tanggungjawab menguruskan kursus-kursus subjek wajib universiti peringkat diploma dan ijazah kepada semua fakulti seluruh UiTM (<https://acis.uitm.edu.my>).

Kedudukan ACIS sebagai pelaksana kursus-kursus pendidikan Islam di seluruh sistem UiTM dibahagikan kepada kepada beberapa bahagian. Antaranya di peringkat Pra Diploma, Diploma

dan Ijazah. Untuk Peringkat Pra Diploma dan Diploma, kursus-kursus ini ditawarkan dengan mengambil kira sama ada pelajar itu Muslim atau Non-Muslim. Untuk Pra Diploma Kod CTU001 ditawarkan kepada pelajar Muslim, manakala CTU002 pula untuk Non Muslim (Nor Azlina, 2019). Manakala bagi Peringkat Diploma, pendaftaran Kod-Kod CTU dikhatuskan kepada pelajar Muslim sahaja. Pelajar non-Muslim dikehendaki mendaftar kursus-kursus IDA. Setiap pelajar diploma wajib menghabiskan 3 kod CTU atau IDA sepanjang pengajian kerana semua kod-kod ini berstatus wajib universiti. Kod CTU 101 dan CTU151/2 akan diambil oleh semua pelajar Muslim dalam pengajian Diploma UiTM pada semester 1 dan 2. Pada semester 3 pula, kod-kod CTU yang diambil adalah berbeza berdasarkan program pengajian masing-masing. Namun bagi pelajar diploma Non-Muslim, mereka akan mengambil semua kod subjek IDA untuk 3 semester tanpa mengira program dan fakulti (Norafifah Ab Hamid & lain-lain., 2019)

**Jadual 1: Kod Subjek CTU dan IDA Kelolaan ACIS Perlis untuk Peringkat Pengajian Diploma (Pelajar Muslim dan non-Muslim )**

| Bil. Kod                                    | Kursus                              | Semester | Pelajar Program & Fakulti                                 |
|---|-------------------------------------|----------|---|
| CTU 101                                     | Prinsip-Prinsip Asas Islam          | 1        | SEMUA pelajar diploma Part 1 muslim                       |
| IDA 102                                     | Insan dan Agama                     | 1        | Pelajar diploma non-Muslim part 1                         |
| CTU152                                      | Etika dan Peradaban                 | 2        | Pelajar diploma muslim                                    |
| IDA153                                      | Etika dan Peradaban                 | 2        | Pelajar diploma non-Muslim                                |
| CTU211,CTU231,<br>CTU266, CTU261,<br>CTU261 |                                     | 3        | Pelajar mengambil mengikut kesuaian program masing-masing |
| IDA 202                                     | Kemasyarakatan dan kenegaraan Islam | 3        | SEMUA pelajar non Muslim semester 3 diploma               |

Sebagai memenuhi kehendak dari pelbagai cabaran massa, pihak universiti khususnya UiTM Perlis menawarkan subjek-subjek yang membangunkan insan dalam diri pelajar muslim mahupun non-Muslim. Kod-Kod subjek seperti CTU dan IDA di bawah kelolaan ACIS UiTM Perlis ini berteraskan ilmu pengajian Islam sebagai usaha melahirkan generasi yang berkeperibadian unggul turut berhadapan dengan cabaran semasa. Namun, kajian ini menjurus kepada subjek yang ditawarkan kepada pelajar non-Muslim iaitu melalui kod subjek IDA 102 (Insan dan Agama) dan IDA 202 (Kemasyarakatan Kenegaraan Islam)

## Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan temubual bersama *Research Person* (RP), *Lecturer in Charge* (LIC) serta tenaga pengajar bagi dua kod subjek IDA102 (Insan dan Agama) dan IDA 202 (Kemasyarakatan dan Kenegaraan Islam) yang dijalankan oleh kampus UiTM Perlis sahaja. Kajian kaedah kualitatif ini memperoleh data secara temubual, serta analisis dokumen. Temubual dijalankan kepada RP, LIC dan sebahagian tenaga pengajar bagi kedua kod subjek tersebut bagi mendapatkan maklum balas secara lisan dan bukan lisan kepada pelaksanaan kod subjek IDA terhadap pelajar non-Muslim. Analisis dokumen pula diperoleh melalui analisis pengajaran dan pembelajaran (PnP) sepanjang semester terlibat, keputusan dapatan hasil *Survey Student Feedback Online* (SUFO) serta markah ujian akhir terhadap 12 orang pelajar bagi semester satu dan tiga kemasukan Oktober 2022 di UiTM Perlis.

Manakala sumber data sekunder bagi kajian ini dikumpul bersandarkan reka bentuk kajian kualitatif dan analisis kandungan terutama kajian-kajian yang berkaitan. Metod penelitian kajian ini adalah penelitian deskriptif.

## Dapatkan dan Perbincangan

### **Perlaksanaan Subjek IDA 102 dan IDA 202 di UiTM Perlis**

IDA102 adalah kod subjek bagi pelajar bagi non-Muslim semester 1 diploma di UiTM Perlis. Secara umumnya topik IDA102 berkisar tentang agama-agama yang terdapat di dunia, pensyarah perlu menerangkan perbezaan antara satu agama dengan agama yang lain bersama penerangan secara hikmah dan pengajaran yang boleh diambil oleh pelajar non-Muslim. Menerusi penerangan topik agama-agama lain, pensyarah boleh membuka ruang kepada para pelajar menyatakan pandangan mereka terhadap agama mereka dan agama lain namun perlu membetulkan cara pengajaran yang harmoni supaya tidak timbul ketegangan.

Pengalaman pensyarah yang mengajar topik-topik IDA102 mendapati pelajar tertarik kepada topik kepercayaan dan amalan beragama. Pada topik ini pensyarah boleh mengambil peluang menceritakan hikmah pensyariatan solat, puasa, haji dan sebagainya. Persoalan ringkas seperti maksud lafaz azan ‘*Hayya a’la Falah*’ selepas ‘*Hayya a’la Solah*’ iaitu marilah menuju kejayaan setelah bersolat juga turut menghasilkan reaksi terpegun oleh pelajar non-Muslim setelah mengetahui maksudnya. Maka segala bentuk penjelasan, pendekatan mesra dalam pengajaran oleh pensyarah sedikit sebanyak telah membuang tanggapan negatif terhadap amalan ibadah dalam Islam yang kurang difahami sebelum ini.

Seterusnya, perbincangan topik Nabi dan Rasul pula, pensyarah boleh mengambil pendekatan menerangkan tugas nabi dan rasul secara umum kemudian menumpukan kepada isu akhlak terpuji. Penghayatan akhlak Nabi dan Rasul dapat menjelaskan keseluruhan akhlak Islam. Selain itu, ibrah dan iktibar daripada kisah-kisah umat terdahulu juga dapat memberikan gambaran balasan keingkaran umat-umat terdahulu. Dalam topik ini pensyarah boleh menggunakan medium tayangan video dan dokumentari sejarah sebagai rujukan.

Topik terakhir adalah topik yang mengupas cabaran kehidupan beragama dalam mendepani dunia kini. Melalui kupasan topik ini pensyarah boleh mengetengahkan isu-isu dan cabaran kontemporari seperti hedonisme, liberalisme dan boleh dimasukkan isu-isu keganasan agama yang melanda penduduk dunia. Para pelajar wajar disedarkan akan pelbagai cabaran semasa yang bahaya disekeliling mereka. Pendedahan sebegini akan mengukuhkan jati diri mereka,

namun pesyarah perlu berikan kebebasan berfikir dalam memilih jalan dan pegangan agama mereka sendiri. Hal ini kerana pensyarah perlu menghormati pilihan dan hindari bersifat paksaan dalam urusan agama anutan bagi non-Muslim. Justeru tindakan ini lebih bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 256 iaitu ‘Tiada paksaan dalam memeluk agama Islam’.

Perlaksanaan subjek IDA 202 pula lebih menekankan aspek penghayatan kemasyarakatan Islam dalam realiti semasa negara atau acuan Malaysia. Oleh kerana pelajar yang mengambil subjek IDA 202 terdiri daripada pelajar semester 3, rata-rata dari kalangan mereka telah mempunyai pengalaman semasa semester 1 mengambil kod IDA 102, maka para pelajar telah maklum secara konsep teori. Oleh itu, pada semester 3 agak mudah menjalankan PnP secara praktikal dalam memahami konsep Islam dari sudut kekeluargaan, kemasyarakatan dan kenegaraan dalam Islam. Secara teori, kursus ini membincangkan kekeluargaan, kemasyarakatan dan kenegaraan dalam Islam. Selain itu, kursus ini juga turut membincangkan cabaran dan isu kontemporari. Secara umumnya dalam kursus IDA 202 menggariskan tiga hasil pembelajaran secara iaitu : (<https://ufuture.uitm.edu.my>)

1. Para pelajar dapat menghuraikan institusi kekeluargaan Islam, kemasyarakatan dalam Islam, konsep dan pengurusan Islam serta isu kontemporari
2. Para melaporkan hasil perbincangan dalam kekeluargaan, kemasyarakatan dan kenegaraan dalam Islam serta isu kontemporari.
3. Para pelajar menyediakan maklum balas mengenai aplikasi kemasyarakatan dan kenegaraan serta isu kontemporari

**Jadual 2: Silibus IDA 202**

|   |   |
|---|---|
| <p><b>1. Kekeluargaan Islam</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1.1 Konsep kekeluargaan</li> <li>1.2 Hak dan tanggungjawab anggota keluarga</li> <li>1.3 Peranan institusi kekeluargaan</li> <li>1.4 Perkahwinan dan implikasi undang-undang</li> </ul> <p><b>2. Kemasyarakatan Islam</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>2.1 Konsep Masyarakat</li> <li>2.2 Asas pembinaan masyarakat Islam</li> <li>2.3 Peranan institusi kemasyarakatan</li> <li>2.4 Hak dan tanggungjawab anggota masyarakat</li> </ul> | <p><b>3. Konsep kenegaraan Islam</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>3.1 Definisi Negara</li> <li>3.2 Asas pembentukan negara Islam</li> <li>3.3 Prinsip negara Islam</li> <li>3.4 Sejarah negara Islam</li> </ul> <p><b>4. Pengurusan sistem kenegaraan Islam</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>4.1 Sistem politik dan pemerintahan</li> <li>4.2 Sistem perundangan</li> <li>4.3 Sistem ekonomi</li> </ul> |
| <p><b>5. Cabaran dan Isu Kontemporari</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>5.1 Hak asasi manusia</li> <li>5.2 Potret negara Islam</li> <li>5.3 Penguasaan Ilmu</li> <li>5.4 Persaingan global</li> </ul>  |   |

Sumber: Course Information code IDA 202 (Islamic Society And State )

Pada semester Oktober 2021- Feb 2022 pihak RP mencadangkan agar topik perkahwinan dalam Islam sebagai tajuk tugas kerja pelajar IDA 202. Tugas kerja yang bernali 40% telah memberikan idea kepada tenaga pengajar menterjemah hasil kertas kerja teori kepada praktikal. Setelah itu pihak LIC telah bekerjasama bersama tenaga pengajar di kampus UiTM Arau Perlis melakukan inovasi dalam tugas kedua iaitu pembentangan video yang bernali 20% markah. Maka, hasil tugas ke dua telah diterjemahkan melalui lakonan pendek oleh pelajar IDA 202 berkait perkahwinan dan perceraian dalam Islam.

Sebelum melakukan persembahan lakonan pendek tersebut, skrip lakonan telah dirujuk agar bertepatan dengan istilah-istilah yang dibenarkan oleh syarak. Hal ini kerana, pemarkahan oleh juri mengambil kira persembahan lima elemen berikut : 1. poster dan lakonan 2. kerjasama kumpulan, 3. kreativiti, 4. kritis dan 5. etika persembahan yang melibatkan skrip. Lakonan ini mengumpulkan 20% markah sama seperti rubrik yang diberikan oleh pihak RP subjek. Namun ia dilaksanakan secara lakonan pendek agar para pelajar non-Muslim lebih menghayati watak -watak sebagai muslim menangani isu perkahwinan dan perceraian dalam Islam. Berikut adalah poster persembahan lakonan yang disediakan oleh pelajar IDA 202 sebagai promosi lakonan mereka secara umum.

**Gambar 1: Poster Persembangan Pelajar IDA 202**



Sumber: Poster Persembahan IDA 202

Secara umumnya pelaksanaan topik IDA 202 lebih bersifat santai dan *brainstorming* isu. Pensyarah akan menyediakan topik diskusi dalam kumpulan kecil bagi membentuk penghayatan topik masyarakat Islam yang benar. Semasa diskusi kumpulan kecil, para pelajar turut membincangkan isu-isu masalah sosial terutamanya isu panas yang berlaku di media sosial. Memandangkan media banyak memaparkan isu cerai, poligami, nikah siam yang

turut melibatkan figura yang beragama Islam, maka penjelasan perlu dilakukan oleh pensyarah dengan bijaksana penuh hikmah.

Dalam topik kenegaraan Islam pula, pensyarah memperkenalkan imej sejarah Negara Islam Madinah sebagai contoh negara Islam terbaik. Dari konteks semasa, pensyarah membuka topik diskusi lebih segar dalam PnP seperti penganjuran Piala Dunia FIFA 2022 sebagai temasya ke-22 Piala Dunia FIFA yang bertempat di Qatar pada 20 November hingga 18 Disember 2022. Para pelajar turut mengetahui temasya ini acara Piala Dunia pertama yang diadakan di rantau dunia Arab serta di negara berpenduduk majoriti Muslim. Pensyarah turut mendapati pelajar IDA 202 menunjukkan rasa minat mendalam mengenali Negara Qatar sebagai negara Islam yang berjaya di mata dunia.

Seterusnya topik mengenai pengurusan sistem kenegaraan Islam dari sudut sistem politik dan pemerintahan, sistem perundangan dan sistem ekonomi. Semester kali ini pensyarah memberi penekanan dari sistem ekonomi Islam. Terma-terma ekonomi seperti zakat, wakaf, infak, sedekah, mudharabah, musyarakah, murabahah, bai' bi thaman ajil, qardul hasan, salam, ar Rahn, takaful, bai' al Inah, sukuk, bon dan saham/equiti memberikan sedikit gambaran konsep ekonomi secara Islam di Malaysia.

Perbincangan terakhir mengenai topik cabaran dan isu kontemporari di dunia umumnya dan di Malaysia khasnya. pensyarah memilih perbincangan berfokus kepada hak hak sebagai warganegara, setelah memperlihatkan hak hak umum dan hak hak Islam sebagai gambaran perbezaan. Selain itu, perbincangan yang dilakukan secara kumpulan kecil turut diluaskan lagi dengan menyentuh isu LGBT dan kesannya kepada cabaran semasa. Hal ini dibincangkan agar pelajar memiliki jati diri yang utuh dalam mengharungi kesan buruk globalisasi yang tidak mengenal kaum dan agama.

### **Penerimaan Pelajar Terhadap PnP**

Bagi menghuraikan penerimaan pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran ini, kami mengemukakan keputusan penilaian CDL (Closing The Loop) bagi semester Okt 2022-Feb 2023 yang telah dilengkapkan oleh RP/LIC IDA 102 dan IDA 202.

**Jadual 3: CDL IDA102 Kampus UiTM Perlis Sem Okt 2022-Feb 2023**

|         | EXAM GRED | EXIT-ENTRANCE | SUFO | OBE-SCL | CO-PO-LO-KI |
|---------|-----------|---------------|------|---------|-------------|
| AS113   | 5         | 0             | 5    | 5       | 5           |
| AS120   | 5         | 4             | 5    | 5       | 5           |
| AT110   | 3         | 1             | 3    | 5       | 5           |
| AFAP120 | 3         | 4             | 3    | 5       | 5           |

**Jadual 4: CDL IDA202 Kampus UiTM Perlis Sem Okt 2022-Feb 2023**

|       | EXAM GRED | EXIT-ENTRANCE | SUFO | OBE-SCL | CO-PO-LO-KI |
|-------|-----------|---------------|------|---------|-------------|
| AS113 | 4         | 3             | 5    | 5       | 5           |
| AT110 | 4         | 2             | 3    | 5       | 5           |
| CS110 | 5         | 3             | 3    | 5       | 5           |
| SR111 | 4         | 1             | 3    | 5       | 5           |

Hasil daripada CDL kedua kursus berikut dapat disimpulkan penerimaan pelajar adalah memuaskan malah ada yang berstatus amat cemerlang.

### Gambar 2: Analisis SUFO IDA 202

*Kod Kursus Course's code: IDA202 (KAMPUS ARAU, PERLIS)*

| No .   | Soalan Question   | Sangat Tidak Setuju (1) | Tidak Setuju (2) | Setuju (3) | Sangat Setuju (4) | Purata (%) | Purata Mata |
|--|---|-------------------------|------------------|------------|-------------------|------------|-------------|
| <i>Bahagian A: Persepsi Keseluruhan tentang kursus ini</i> |   |                         |                  |            |                   |            |             |
| <i>Section A: Overall Impression about the course</i>      |   |                         |                  |            |                   |            |             |
| 1  | <i>Kursus ini memberi lebih pengetahuan kepada saya.</i><br><i>I have increased my knowledge from taking the course.</i>  | 0                       | 0                | 2          | 5                 | 92.86      | 3.71        |
| 2  | <i>Kandungan kursus ini berkaitan dengan bidang pengajian saya.</i><br><i>The course content is related to my field of study.</i>                                       | 0                       | 0                | 4          | 3                 | 85.71      | 3.43        |
| 3  | <i>Kaedah penilaian kursus ini telah meningkatkan keupayaan pembelajaran saya.</i><br><i>The method of assessments in this course has enhanced my learning ability.</i> | 0                       | 0                | 4          | 3                 | 85.71      | 3.43        |
| 4  | <i>Tahap keyakinan saya dalam kursus ini telah meningkat.</i><br><i>My confidence level in this course has increased.</i>   | 0                       | 0                | 3          | 4                 | 89.29      | 3.57        |
| <b>JUMLAH PURATA:</b>                                      |   | 0                       | 0                | 13         | 15                | 88.39      | 3.54        |

**Bahagian B: Professionalisma Pensyarah****Section B: Lecturer Professionalism**

|    |  |   |   |   |   |                          |
|----|--|---|---|---|---|--------------------------|
|    |  |   |   |   |   |                          |
| 5  | <b>Pensyarah menyempurnakan jam pengajaran yang dijadualkan.</b><br><br><i>The lecturer completes the scheduled hours of instruction.</i>  | 0 | 0 | 2 | 5 | <b>92.86</b> <b>3.71</b> |
| 6  | <b>Pensyarah bersedia memberi bimbingan akademik kepada pelajar.</b><br><br><i>The lecturer is ever ready to provide academic guidance to students.</i>  | 0 | 0 | 2 | 5 | <b>92.86</b> <b>3.71</b> |
| 7  | <b>Pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar semasa kuliah (kecuali kursus CTU dan Bahasa Ketiga).</b><br><br><i>The lecturer uses English as a medium of instruction during the lectures except for CITU and Third Language courses.</i> | 0 | 0 | 3 | 4 | <b>89.29</b> <b>3.57</b> |
| 8  | <b>Pensyarah mudah didekati.</b><br><br><i>The lecturer is approachable.</i>   | 0 | 0 | 2 | 5 | <b>92.86</b> <b>3.71</b> |
| 9  | <b>Pensyarah mudah dihubungi untuk perbincangan.</b><br><br><i>The lecturer is accessible for discussion.</i>  | 0 | 0 | 3 | 4 | <b>89.29</b> <b>3.57</b> |
| 10 | <b>Pensyarah memantau kehadiran pelajar.</b><br><br><i>The lecturer monitors student attendance.</i>   | 0 | 0 | 3 | 4 | <b>89.29</b> <b>3.57</b> |

|    |  |   |   |           |    |              |             |
|----|--|---|---|-----------|----|--------------|-------------|
| 11 | <i>Secara keseluruhannya pensyarah memamerkan profesionalisma yang sangat tinggi.</i><br><br><i>Overall, the lecturer exhibits high professionalism.</i> | 0 | 0 | 4         | 3  | <b>85.71</b> | <b>3.43</b> |
|    | <b>JUMLAH PURATA:</b>  | 0 | 0 | <b>19</b> | 30 | <b>90.31</b> | <b>3.61</b> |

**Bahagian C: Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran****Section C: Teaching and Learning Activities**

|    |  |   |   |   |   |              |             |
|----|--|---|---|---|---|--------------|-------------|
| 12 | <i>Pensyarah menerangkan kandungan kursus.</i><br><br><i>The lecturer explains the course content.</i>   | 0 | 0 | 3 | 4 | <b>89.29</b> | <b>3.57</b> |
| 13 | <i>Pensyarah menerangkan tentang hasil kursus.</i><br><br><i>The lecturer explains the outcomes of the course.</i>   | 0 | 0 | 4 | 3 | <b>85.71</b> | <b>3.43</b> |
| 14 | <i>Pensyarah menerangkan cara penilaian kursus.</i><br><br><i>The lecturer explains the methods of assessment for the course.</i>                          | 0 | 0 | 3 | 4 | <b>89.29</b> | <b>3.57</b> |
| 15 | <i>Pensyarah mengajar mengikut perancangan.</i><br><br><i>The lecturer teaches according to plan.</i>  | 0 | 0 | 3 | 4 | <b>89.29</b> | <b>3.57</b> |
| 16 | <i>Pensyarah melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran.</i><br><br><i>The lecturer actively involves students in the learning process.</i> | 0 | 0 | 3 | 4 | <b>89.29</b> | <b>3.57</b> |

|                       |   |   |   |    |    |              |
|-----------------------|---|---|---|----|----|--------------|
|                       |   |   |   |    |    |              |
| 17                    | <p><i>Pensyarah mewujudkan suasana untuk pelajar bertanya soalan dan mengemukakan pendapat.</i></p> <p><i>The lecturer creates an environment for students to ask questions and offer opinions.</i></p> | 0 | 0 | 5  | 2  | <b>82.14</b> |
| 18                    | <p><i>Kaedah penyampaian pensyarah sangat menarik.</i></p> <p><i>The lecturer delivers the content interestingly.</i></p>   | 0 | 0 | 3  | 4  | <b>89.29</b> |
| 19                    | <p><i>Kaedah penyampaian pensyarah sangat mencabar minda.</i></p> <p><i>The lecturer's delivery style challenges the mind.</i></p>  | 0 | 0 | 2  | 5  | <b>92.86</b> |
| 20                    | <p><i>Pensyarah memberi maklumbalas bagi setiap penilaian/tugas/ujian/projek.</i></p> <p><i>The lecturer provides feedback for each assessment/assignments/tests/projects.</i></p>                      | 0 | 0 | 2  | 5  | <b>92.86</b> |
| 21                    | <p><i>Pensyarah membantu pelajar menguasai kandungan pembelajaran.</i></p> <p><i>The lecturer helps students master the learning content.</i></p>   | 0 | 0 | 5  | 2  | <b>82.14</b> |
| 22                    | <p><i>Secara keseluruhannya, saya seronok dengan pengajaran pensyarah ini.</i></p> <p><i>Overall, I enjoyed the teaching style of this lecturer.</i></p>  | 0 | 0 | 4  | 3  | <b>85.71</b> |
| <b>JUMLAH PURATA:</b> |   | 0 | 0 | 37 | 40 | <b>87.99</b> |
|                       |   |   |   |    |    | <b>3.52</b>  |

*Bahagian D: Infrastruktur**Section D: Infrastructure*

|    |   |   |   |   |   |       |      |
|----|---|---|---|---|---|-------|------|
|    | <i>Kelengkapan ruang kondusif untuk pembelajaran dan pengajaran.</i><br><i>The equipment space for teaching and learning is conducive.</i>                        | 0 | 0 | 3 | 4 | 89.29 | 3.57 |
| 23 | <i>Kelengkapan dan peralatan pengajaran bagi kursus ini mencukupi dan berfungsi.</i><br><i>The teaching and learning equipments are adequate and functioning.</i> | 0 | 0 | 3 | 4 | 89.29 | 3.57 |
| 24 | <b>JUMLAH PURATA:</b>   | 0 | 0 | 6 | 8 | 89.29 | 3.57 |

*Jumlah Purata Keseluruhan**Grand Average Total*

|  |  |   |   |    |    |       |                  |
|--|--|---|---|----|----|-------|------------------|
|  | <b>JUMLAH PURATA KESELURUHAN :</b>                 | 0 | 0 | 75 | 93 | 88.99 | 3.56             |
|  | <b>PRESTASI ((SECTION B + SECTION C) / 2 ) :</b>   | 0 | 0 | 56 | 70 | 89.15 | 3.56             |
|  | <b>PETUNJUK PRESTASI (PERFORMANCE INDICATOR) :</b> |   |   |    |    |       | <i>Very Good</i> |

**Gambar 3: Analisis SUFO IDA102****Kod Kursus Course's code: IDA102 (KAMPUS ARAU, PERLIS)**

| No .   | Soalan Question   | Sangat Setuju (1) | Tidak Setuju (2) | Setuju (3) | Sangat Setuju (4) | Purata (%) | Purata Mata |
|--|---|-------------------|------------------|------------|-------------------|------------|-------------|
| <b>Bahagian A: Persepsi Keseluruhan tentang kursus ini</b> |   |                   |                  |            |                   |            |             |
| <b>Section A : Overall Impression about the course</b>     |   |                   |                  |            |                   |            |             |
| 1  | <i>Kursus ini memberi lebih pengetahuan kepada saya.</i><br><i>I have increased my knowledge from taking the course.</i>  | 0                 | 0                | 1          | 5                 | 95.83      | 3.83        |
| 2  | <i>Kandungan kursus ini berkaitan dengan bidang pengajian saya.</i><br><i>The course content is related to my field of study.</i>                                       | 0                 | 2                | 2          | 2                 | 75.00      | 3.00        |
| 3  | <i>Kaedah penilaian kursus ini telah meningkatkan keupayaan pembelajaran saya.</i><br><i>The method of assessments in this course has enhanced my learning ability.</i> | 0                 | 0                | 3          | 3                 | 87.50      | 3.50        |
| 4  | <i>Tahap keyakinan saya dalam kursus ini telah meningkat.</i><br><i>My confidence level in this course has increased.</i>   | 0                 | 1                | 1          | 4                 | 87.50      | 3.50        |
| <b>JUMLAH PURATA:</b>                                      |   | 0                 | 3                | 7          | 14                | 86.46      | 3.46        |

**Bahagian B: Professionalisma Pensyarah****Section B: Lecturer Professionalism**

|    |  |   |   |   |   |       |      |
|----|--|---|---|---|---|-------|------|
|    |  |   |   |   |   |       |      |
| 5  | <b>Pensyarah menyempurnakan jam pengajaran yang dijadualkan.</b><br><br><i>The lecturer completes the scheduled hours of instruction.</i>  | 0 | 0 | 1 | 5 | 95.83 | 3.83 |
| 6  | <b>Pensyarah bersedia memberi bimbingan akademik kepada pelajar.</b><br><br><i>The lecturer is ever ready to provide academic guidance to students.</i>  | 0 | 0 | 1 | 5 | 95.83 | 3.83 |
| 7  | <b>Pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar semasa kuliah (kecuali kursus CTU dan Bahasa Ketiga).</b><br><br><i>The lecturer uses English as a medium of instruction during the lectures except for CITU and Third Language courses.</i> | 0 | 1 | 1 | 4 | 87.50 | 3.50 |
| 8  | <b>Pensyarah mudah didekati.</b><br><br><i>The lecturer is approachable.</i>   | 0 | 0 | 2 | 4 | 91.67 | 3.67 |
| 9  | <b>Pensyarah mudah dihubungi untuk perbincangan.</b><br><br><i>The lecturer is accessible for discussion.</i>  | 0 | 0 | 2 | 4 | 91.67 | 3.67 |
| 10 | <b>Pensyarah memantau kehadiran pelajar.</b><br><br><i>The lecturer monitors student attendance.</i>   | 0 | 0 | 1 | 5 | 95.83 | 3.83 |

|           |   |          |          |          |           |              |             |
|-----------|---|----------|----------|----------|-----------|--------------|-------------|
| <b>11</b> | <i>Secara keseluruhannya pensyarah mempamerkan profesionalisma yang sangat tinggi.</i><br><br><i>Overall, the lecturer exhibits high professionalism.</i> | <b>0</b> | <b>0</b> | <b>1</b> | <b>5</b>  | <b>95.83</b> | <b>3.83</b> |
|           | <b>JUMLAH PURATA:</b>   | <b>0</b> | <b>1</b> | <b>9</b> | <b>32</b> | <b>93.45</b> | <b>3.74</b> |

**Bahagian C: Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran****Section C: Teaching and Learning Activities**

|           |  |          |          |          |          |              |             |
|-----------|--|----------|----------|----------|----------|--------------|-------------|
| <b>12</b> | <i>Pensyarah menerangkan kandungan kursus.</i><br><br><i>The lecturer explains the course content.</i>   | <b>0</b> | <b>0</b> | <b>3</b> | <b>3</b> | <b>87.50</b> | <b>3.50</b> |
| <b>13</b> | <i>Pensyarah menerangkan tentang hasil kursus.</i><br><br><i>The lecturer explains the outcomes of the course.</i>   | <b>0</b> | <b>0</b> | <b>3</b> | <b>3</b> | <b>87.50</b> | <b>3.50</b> |
| <b>14</b> | <i>Pensyarah menerangkan cara penilaian kursus.</i><br><br><i>The lecturer explains the methods of assessment for the course.</i>                          | <b>0</b> | <b>0</b> | <b>2</b> | <b>4</b> | <b>91.67</b> | <b>3.67</b> |
| <b>15</b> | <i>Pensyarah mengajar mengikut perancangan.</i><br><br><i>The lecturer teaches according to plan.</i>  | <b>0</b> | <b>0</b> | <b>3</b> | <b>3</b> | <b>87.50</b> | <b>3.50</b> |
| <b>16</b> | <i>Pensyarah melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran.</i><br><br><i>The lecturer actively involves students in the learning process.</i> | <b>0</b> | <b>0</b> | <b>3</b> | <b>3</b> | <b>87.50</b> | <b>3.50</b> |

|                       |  |   |   |    |    |               |
|-----------------------|--|---|---|----|----|---------------|
|                       |  |   |   |    |    |               |
| 17                    | <b>Pensyarah mewujudkan suasana untuk pelajar bertanya soalan dan mengemukakan pendapat.</b><br><br><i>The lecturer creates an environment for students to ask questions and offer opinions.</i> | 0 | 0 | 3  | 3  | 87.50    3.50 |
| 18                    | <b>Kaedah penyampaian pensyarah sangat menarik.</b><br><br><i>The lecturer delivers the content interestingly.</i>   | 0 | 0 | 3  | 3  | 87.50    3.50 |
| 19                    | <b>Kaedah penyampaian pensyarah sangat mencabar minda.</b><br><br><i>The lecturer's delivery style challenges the mind.</i>  | 0 | 1 | 3  | 2  | 79.17    3.17 |
| 20                    | <b>Pensyarah memberi maklumbalas bagi setiap penilaian/tugasan/ujian/projek .</b><br><br><i>The lecturer provides feedback for each assessment/assignments/tests/projects.</i>                   | 0 | 0 | 3  | 3  | 87.50    3.50 |
| 21                    | <b>Pensyarah membantu pelajar menguasai kandungan pembelajaran.</b><br><br><i>The lecturer helps students master the learning content.</i>   | 0 | 0 | 3  | 3  | 87.50    3.50 |
| 22                    | <b>Secara keseluruhannya, saya seronok dengan pengajaran pensyarah ini.</b><br><br><i>Overall, I enjoyed the teaching style of this lecturer.</i>  | 0 | 0 | 3  | 3  | 87.50    3.50 |
| <b>JUMLAH PURATA:</b> |  | 0 | 1 | 32 | 33 | 87.12    3.49 |

*Bahagian D: Infrastruktur**Section D: Infrastructure*

|    |  |   |   |   |   |              |             |
|----|--|---|---|---|---|--------------|-------------|
|    | <i>Kelengkapan ruang kondusif untuk pembelajaran dan pengajaran.</i>                 | 0 | 0 | 2 | 4 | <b>91.67</b> | <b>3.67</b> |
| 23 | <i>The equipment space for teaching and learning is conducive.</i>                   |   |   |   |   |              |             |
| 24 | <i>Kelengkapan dan peralatan pengajaran bagi kursus ini mencukupi dan berfungsi.</i> | 0 | 0 | 3 | 3 | <b>87.50</b> | <b>3.50</b> |
|    | <i>The teaching and learning equipments are adequate and functioning.</i>            |   |   |   |   |              |             |
|    | <b>JUMLAH PURATA:</b>  | 0 | 0 | 5 | 7 | <b>89.59</b> | <b>3.58</b> |

*Jumlah Purata Keseluruhan**Grand Average Total*

|  |  |   |   |    |    |              |                  |
|--|--|---|---|----|----|--------------|------------------|
|  | <b>JUMLAH PURATA KESELURUHAN :</b>                 | 0 | 5 | 53 | 86 | <b>89.15</b> | <b>3.57</b>      |
|  | <b>PRESTASI ((SECTION B + SECTION C) / 2 ) :</b>   | 0 | 2 | 41 | 65 | <b>90.29</b> | <b>3.61</b>      |
|  | <b>PETUNJUK PRESTASI (PERFORMANCE INDICATOR) :</b> |   |   |    |    |              | <b>Excellent</b> |

Hasil daripada analisis SUFO diatas mendapati markah yang diperoleh pensyarah adalah dalam lingkungan VERY GOOD (amat baik) bagi kod IDA202 dan EXCELLENT (cemerlang) bagi kod IDA102. Ini menunjukkan penerimaan pelajar semasa dalam proses PnP berada pada tahap amat memuaskan.

**Cadangan Penambah baik oleh RP**

Kajian ini turut mendapatkan pandangan daripada RP bagi kod subjek IDA iaitu Prof. Madya Dr. Abdul Razak Bin Abdul Kadir yang merupakan Penolong Rektor Kampus UiTM Mukah,

Sarawak. Antara cadangan penambah baik bagi kod subjek IDA secara umumnya adalah seperti berikut:

1. Pengajar atau pensyarah perlu menjaga sensitiviti dengan penggunaan istilah seperti kafir, masuk neraka dan lain-lain. Hal ini hasil pengalaman dan pemerhatian sebahagian besar pelajar IDA adalah pelajar non muslim berasal dari Sabah dan Sarawak. Selain mengambil kira komuniti masyarakat mereka terdapat *culture mix religion*.
2. Pengajar atau pensyarah perlu mengelakkan isu yang melibatkan keresahan terutama agama, Pihak RP menambah jika keperluan bagi pensyarah IDA memahami al-Quran dan bible agar dapat mencari titik persamaan.
3. Pengajar atau pensyarah perlu meneliti bahan nota yang diberikan kepada pelajar IDA, Saranan pihak RP agar nota IDA mohon dibincang terlebih terutama dalam perspektif Sarawak dan Sabah. Hal ini kerana komposisi penduduk di Sarawak sebanyak 63% non-Muslim manakala di Sabah adalah sebanyak 50%. Maka cadangan nota pelajaran subjek agama Islam yang diberikan kepada pelajar perlu bersifat terbuka agar ia difahami secara lebih harmoni.
4. Pengajar atau pensyarah perlu memahami *isu waqie*, jika persoalan akidah cukup sekadar mengata persoalan keimanan atau kepercayaan. Tidak perlu bahas persoalan tauhid kerana mungkin timbul persoalan triniti. Jangan perdebat isu kalimah Allah kerana rata-rata gereja di Sabah dan Sarawak telah maklum dgn kalimah Allah.
5. Pengajar atau pensyarah sentiasa melazimi pendekatan yang lembut dan berhikmah kepada pelajar non-Muslim. Hal ini menurut RP fahaman agama mereka kristian yang boleh dikategorikan sebagai penganut yang taat agama, sederhana, kosong. Bagi yang kuat agama akan memberikan gambaran negatif sekiranya kita bercakap secara doktrin. Sekiranya kita bercakap secara terbuka dan turut memahami agama kristian mereka mudah beradaptasi dan seronok dgn pensyarah.

## Kesimpulan

Agama Islam adalah sebuah pegangan yang indah dan perlu sampaikan dengan keindahan kepada semua terutama kepada pelajar non-Muslim. Hal ini kerana, mereka juga sebahagian agen-agen penyebar keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat kepelbagaian dalam negara ini. Kajian ini menilai kembali matlamat utama subjek Islam sebagai kayu ukur pertama dalam penghayatan dan penerimaan pelajar non-Muslim. Kajian di peringkat UiTM Perlis telah memberikan impak positif bagi keseluruhan pelajar IDA 202 dan IDA 102 serta menghasilkan inovasi dari kalangan tenaga pensyarah berkenaan PNP. Saranan kepada pensyarah yang diamanahkan mengajar kod subjek IDA, sewajarnya menjalankan kajian keberkesanan ke atas PNP secara berkala. Selain itu pensyarah perlu lebih aktif dan inovatif dalam mempromosi Islam sebagai agama rahmah kepada pelajar non-Muslim agar mereka dapat menilai kebaikan Islam kepada seluruh umat manusia termasuklah mereka. Usaha lebih gigih perlu dilaksanakan dalam mempelbagaikan pendekatan dan cara mempelajari Islam ke atas non-Muslim di peringkat universiti. Maka, kajian ini mencadangkan keperluan kepada pensyarah IDA seluruh UiTM untuk mempelajari seni dakwah *bil hal* terutama mengambil kira isu sensitiviti, isu kebijakan, isu kebersamaan dan sebagainya yang berbeza mengikut tempat serta sasaran yang berbeza. Namun apa yang lebih mustahak adalah pengajaran subjek agama Islam kepada pelajar non-Muslim merupakan satu platform dakwah paling ideal yang melibatkan para pensyarah sebagai pendakwah mendepani mad'u non-Muslim sebagai pelajarnya.

## Penghargaan

Artikel ini merupakan sumbangan penulisan akademik bagi subjek IDA di seluruh UiTM dalam negara. Terima kasih diucapkan kepada pihak RP, LIC serta tenaga pengajar IDA di UiTM cawangan Perlis yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

## Rujukan

- Adnan, M. F., Hamzah, R., & Udin, A. (2010). Implikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia. In *Seminar EduPress* (pp. 1-16).
- Azhari, A. B. M., & Norazilah, M. S. S. (2012). Pemantapan pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS ): Kajian tinjauan persepsi pelajar. *Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration (RECCNI)*, 2012(June), 11.
- Chamil Wariya. (2007). *Malaysia: 50 Fakta Asas Kenegaraan*. Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sdn. Bhd.
- Dzulkifli, I., & Suhid, A. (2018). Pendidikan Islam Pemangkin Modal Insan OKU Muslim. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 37–45
- Esa, M. S., Ationg, R., Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Yusoff, M. S., Ramlie, H. A., & Abang Muis, A. M. R. (2021). The evolution of university core course: From the history of nation building of Malaysia to the appreciation of ethics and civilization. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 166–181. <https://doi.org/10.35631/ijepc.6390011>
- John, A. A., Abu Bakar, A. R., Mat Nayan, L., & Mohamed Rosli, N. E.-Z. H. (2018). Pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Faktor pengaruh persekitaran keatas sikap dan motivasi pelajar bukan Islam. *Sains Insani*, 2(1), 7–11.
- Norafifah Ab Hamid, Mohd Faizal P Rameli, Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man, & Siti Nurul Izza Hashim. (2019). Pelaksanaan pendidikan Islam era revolusi industri 4.0 di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6(1), 171–193.
- Meerangani, K. A., Rosele, M. I., & Marinsah, S. A. (2020). Pendekatan wasatiyyah dalam interaksi inter-agama di Malaysia. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 31(2), 19. <https://doi.org/10.51200/manu.vi.2420>
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad (2009) *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur,Malaysia: Penerbit UM [Universiti Malaya]
- Subiyakto, B., & Mutiani. (2019). Internalisasi Nilai Pendidikan Melalui Aktivitas Masyarakat Sebagai Sumber Belajar Ilmu Pengetahuan Sosial. Khazanah: *Jurnal Studi Islam Dan Humaniora*, 17(1), 137–166
- Yusuff, Z., & Rasid, M. (1999). Penerimaan non-Muslim terhadap matapelajaran tamadun islam (TIS) dalam sistem ITM. *GADING Jurnal ITM Cawangan Pahang*, 5(1), 26–37. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/65717/>
- Dokumen Laporan CDL-CQI Akademi Pengajian Islam Kontemporari Uitm Perlis Kampus Arau
- Dokumen Course Learning Outcomes Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
[https://ufuture.uitm.edu.my/sufo/questions/c\\_score/IDA102/20224D?campus=R](https://ufuture.uitm.edu.my/sufo/questions/c_score/IDA102/20224D?campus=R)  
<https://ufuture.uitm.edu.my/courses/summary/IDA202>  
<https://nsembilan.uitm.edu.my/v1/index.php/academic/academic-centre/academy-of-contemporary-islamic-studies>

<https://acis.uitm.edu.my/v1/index.php/acis/about-us>,

Temubual bersama Prof. Madya Dr. Abdul Razak Bin Abdul Kadir, Penolong Rektor Kampus  
UiTM Mukah.